

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(3)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 04 TAHUN 2016**

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>29 April 2016 (Jumaat)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>9.30 pagi hingga 11.30 tengah hari</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, Ibu pejabat, Majlis Perbandaran Subang Jaya</b>
<b>Kehadiran</b>	<b>:</b>	<b>Seperti di Lampiran A</b>

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 04/2016 dan seterusnya memaklumkan mengenai beberapa perkara berikut:

**2.1 Pengiktirafan MPSJ Di Peringkat Antarabangsa**

Pada tahun ini MPSJ telah menerima dua anugerah antarabangsa iaitu **Smart City Innovative Applications Award 2016** dan **The Green Era Award**. Penganugerahan ini merupakan inspirasi untuk MPSJ terus mengekalkan kecemerlangan pada masa akan datang.

## **2.2 Lawatan Panel Penilai Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT 2016)**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah dihadiri oleh Panel Penilai Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) pada 27 April 2016 (Rabu). Penilaian Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah untuk menilai kecemerlangan PBT dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai sebuah kerajaan tempatan. Sepanjang sesi penilaian semuanya telah berjalan dengan lancar dan MPSJ optimis dan akan terus mengekalkan taraf lima bintang berdasarkan prestasi yang cemerlang.

## **2.3 Lawatan Panel Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Majlis Perbandaran Subang Jaya Daripada Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Selangor, Jabatan Perdana Menteri 2016**

Majlis Perbandaran Subang Jaya sekali lagi akan dihadiri oleh Panel Penilai Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan. Inspektorat ini akan dijalankan selama dua hari iaitu pada 11 dan 12 Mei 2016 di mana pada hari pertama semakan dokumen dan hari kedua adalah sesi lawatan ke setiap jabatan.

## **2.4 Sambutan Perayaan Vaisakhi Peringkat Negeri Selangor Bagi Tahun 2016**

Program Sambutan Perayaan Vaisakhi Peringkat Negeri Selangor 2016 akan diadakan seperti yang berikut:

**Tarikh : 7 Mei 2016 (Sabtu)**  
**Masa : 4.00 Petang – 11.00 Malam**  
**Tempat : Perkarangan Padang Timur, Petaling Jaya**

Sambutan perayaan adalah kerjasama antara Pejabat Exco Negeri Selangor melalui **Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman, (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan**

**Prihatin Dan Pekerja Ladang)**, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

## **2.5 Majlis Penyampaian Sumbangan Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ 2016**

Majlis Penyampaian Sumbangan Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) akan diadakan seperti yang berikut:

**Tarikh : 28 Mei 2016 (Sabtu)**  
**Masa : 2.00 petang – 5.00 petang**  
**Lokasi : Kompleks 3K, SS13, Subang Jaya**

- Majlis Penyampaian Sumbangan ini akan diberikan kepada Anak-Anak Yatim, Ibu Tunggal, Golongan Kurang Berkemampuan dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- Penyampaian sumbangan bagi tahun 2016 akan diberikan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM200.00 kepada 15 penerima bagi setiap 24 JKP MPSJ.
- Objektifnya adalah untuk membantu golongan kurang berkemampuan selaras dengan konsep kemasyarakatan setempat serta mengeratkan dan memperkukuhkan hubungan baik yang sedia ada terjalin di antara MPSJ, JKP dan penduduk.

## **2.6 Kejohanan Catur Terbuka Piala MPSJ 2016**

Kejohanan Catur Terbuka Piala MPSJ 2016 akan diadakan seperti yang berikut:

**Tarikh : 29 Mei 2016 (Ahad)**  
**Masa : 9.00 pagi – 6.00 petang**  
**Lokasi : Kompleks 3C, Bandar Sunway**

MPSJ telah menganjurkan kejohanan ini buat kali yang kelima (5) dan pada tahun ini akan berlangsung di Kompleks 3C. Kejohanan catur ini merupakan aktiviti tahunan MPSJ dan akan diteruskan pada setiap tahun susulan daripada sambutan penyertaan yang sangat menggalakkan. Sebanyak 3 kategori akan dibuka pada kejohanan kali ini iaitu Kategori Terbuka, Bawah 18 tahun dan Bawah 12 tahun.

## **2.7 Program Jom Konvoi MPSJ 2016**

Program Jom Konvoi MPSJ 2016 adalah anjuran bagi kali yang ke-10 pada tahun ini. Program ini akan diadakan pada **27 Mei 2016 (Jumaat) hingga 29 Mei 2016 (Ahad)** dari **Subang Jaya ke Sabak Bernam**. Objektif program ini adalah untuk membina dan mengukuhkan jaringan perhubungan di antara belia dengan pihak berkuasa, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Usaha ini juga adalah bagi mempersiapkan belia supaya mempunyai jati diri yang kukuh sebagai salah satu '*stakeholder*' di Majlis Perbandaran Subang Jaya sekaligus memberi pendedahan serta menerapkan sikap 'sukarelawan' kepada golongan remaja dan belia masa kini. Pelbagai pengisian modul-modul akan diadakan sepanjang Program Jom Konvoi ini berlangsung, antaranya adalah Modul Belia Cinta Alam Sekitar, Modul Belia Bebas Jenayah, Modul Belia Madani dan Modul Belia Sihat dan Cergas.

## **2.8 Laporan Wabak Demam Denggi**

Bilangan kes demam denggi dilaporkan sehingga **Minggu Epid 16** (iaitu sehingga **23 April 2016**) adalah menurun kepada 197 kes sahaja berbanding pada Minggu Epid 15 yang lalu adalah sebanyak 266 kes telah direkodkan.

Sehubungan dengan itu juga, bilangan lokaliti *hotspot* juga telah menurun kepada 34 lokaliti daripada 39 yang terdahulu. Pecahan lokaliti *hotspot* yang direkodkan adalah seperti berikut:

- Zon Subang Jaya - 9 lokaliti *hotspot*
- Zon Kinrara - 6 lokaliti *hotspot*
- Zon Seri Serdang - 15 lokaliti *hotspot*
- Zon Seri Kembangan - 4 lokaliti *hotspot*

## **2.9 Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Pembuangan Sampah Haram**

Tindakan penguatkuasaan sehingga bulan April 2016, pihak Majlis telah menyita sebanyak 7 buah kenderaan, 2 daripadanya telah dibicarakan di mahkamah dan didenda sebanyak RM1000.00. Sehubungan dengan itu juga, sebanyak 13 Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan di bawah Seksyen 4 Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPPS) MPSJ 2007 dan denda maksimum RM1000.00. MPSJ akan terus mempertingkatkan usaha untuk menjalankan operasi penguatkuasaan di tanah-tanah awam bagi mengurangkan aktiviti pembuangan sampah haram yang semakin berleluasa.

## **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 03/2016**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 03 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 30 Mac 2016 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

## **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Tiada perkara berbangkit dibincangkan.

## **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.5/2016 bertarikh 11 April 2016**

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.4 & M/surat 10	Puan Azalea Zulaikha Binti Haji Zulkifli	Kertas Kerja Bil. 233/18/04/2016  -Fivestar Development (Puchong) Sdn. Bhd.	Beliau memohon untuk pertimbangan semula keputusan kerana terdapat bantahan penduduk mengenai masalah-masalah yang berkaitan termasuklah isu trafik.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta supaya perkara ini dibincang semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MPSJ yang akan datang.
2.	Para 3.5 & M/surat 12	Encik Chang Kim Loong	Caj Perkhidmatan Kemajuan / ISF  -LTS Capital Sdn. Bhd.	Beliau memohon penjelasan lanjut berhubung Penetapan Dasar Majlis dalam pemulangan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)  <b><u>Maklumbalas</u></b>  Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa jumlah yang telah dibayar adalah sebanyak RM700,000.00 dan ianya adalah bayaran berbentuk fi. YBhg. Dato' Yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Dipertua meminta supaya perkara ini diperhalusi semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MPSJ yang akan datang.
3.	Perkara 4.4 & M/surat 22	Puan Norzaihan Binti Ismail	Permohonan Serentak Kebenaran Merancang dan Pelan Kerja Tanah	<p>Beliau memohon penjelasan mesyuarat mengenai pembangunan yang telah dirancang di kawasan Kampung Sri Aman. Beliau menyuarakan rasa kegelisahan penduduk terhadap impak yang mereka akan hadapi kelak. Seterusnya beliau memohon supaya pemantauan dan kawalan infrastruktur dapat ditambahbaik terutamanya kemudahan jalan raya dan sistem perparitan yang baik dan lancar bagi mengelakkan masalah banjir.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis telah menetapkan pembangunan di kawasan kampung ini secara berperingkat. Walau bagaimanapun pihak Majlis akan memastikan pembangunan yang dijalankan akan mematuhi</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>syarat-syarat yang telah ditetapkan dan pemantauan akan sentiasa dilaksanakan di kawasan Kg Seri Aman. Pihak Majlis juga telah memohon dana sebanyak RM12.5 juta untuk kerja-kerja menaiktaraf longkang di Kampung Sri Aman dan Kampung Bukit Lanchong. Sehubungan dengan itu juga, pihak Majlis juga telah bercadang untuk melebarkan jalan raya termasuk menaiktaraf infrastruktur di kawasan kampung tersebut.</p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua juga meminta supaya Jabatan Kejuruteraan melihat kesesuaian / kemungkinan kegunaan tasik sedia ada untuk dijadikan kolam takungan bagi mengatasi masalah banjir.</p>
4.		Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Hal-hal lain (Ulasan Teknikal JKR dalam memberi sokongan kepada pembangunan ini dan seterusnya penjelasan bagi penggunaan	Beliau memohon pandangan mesyuarat mengenai isu ulasan teknikal pihak JKR dalam memberi sokongan kepada pembangunan ini. Selain itu beliau juga, memohon penjelasan bagi penggunaan tabung



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>tabung penyelenggaraan daripada pihak JKR bagi menyelenggara jalan-jalan di Kampung Seri Aman</p>	<p>penyelenggaraan daripada pihak JKR bagi menyelenggara jalan-jalan di Kampung Seri Aman.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta supaya Jabatan Kejuruteraan menyemak semula ulasan teknikal daripada pihak JKR dan juga berhubung kegunaan Tabung Penyelenggaraan JKR.</p>
5.	Para 5.16 & M/surat 73	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	<p>Permohonan Perlanjutan dan Pindaan Kebenaran Merancang Bagi Membina Sebuah Hotel, Jalan TK2/1A, Taman Kinrara, Seksyen 2, Puchong</p> <p>-Tichyatch Resources Sdn. Bhd.</p>	<p>Beliau memohon pertimbangan semula mengenai permohonan ini susulan daripada isu kesesakan trafik yang dijangkakan akan berlaku lebih serius di lokasi tersebut kerana kawasan pembangunan hotel ini adalah berhampiran dengan Lebuhraya KESAS dan juga terletak di dalam kawasan perumahan di Taman Kinrara.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta supaya perkara ini dibincang semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				MPSJ yang akan datang.

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.6/2016 bertarikh 19 April 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.4 & M/surat 12	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (Pelan Lulus Bil.MPSJ.PS. (B) 260/36/243 Bertarikh 02 Julai 2013)	Beliau memohon supaya cadangan pemajuan ini dilihat semula merangkumi aspek yang lebih terperinci berhubung isu trafik.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pemajuan ini masih dalam penangguhan pertimbangan keputusan.
2.	Para 4.7 & M/surat 15	Encik Chang Kim Loong	Kertas Pertimbangan untuk pengesahan Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Bagi Cadangan	Beliau memohon penjelasan mengenai status penyediaan infrastruktur oleh pihak pemaju sepertimana yang telah disyaratkan di dalam kelulusan Kebenaran Merancang.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  YBhg. Dato' Pengerusi

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>Pembangunan Perniagaan di Jalan Puteri 2/7, Bandar Puteri, Puchong</p> <p>-Flora Development Sdn. Bhd.</p>	<p>memaklumkan bahawa penyelarasan mengenai perkara tersebut telah pun dilaksanakan bersama pihak pemaju Flora Development Sdn. Bhd.</p>
3.	Para 8.2 & M/surat 99	Encik Stephen Chin Sou Bong	Struktur Pemancar Telekomunikasi	<p>Beliau memohon supaya mempertimbangkan semula berhubung kelulusan pembinaan struktur pemancar telekomunikasi di atas bangunan, terutamanya di atas bangunan rumah bertingkat kos rendah.</p> <p>Encik M. Anbarasan A/L Murugesu juga memaklumkan bahawa terdapat struktur pemancar telekomunikasi yang telah bina terlalu hampir dengan rumah penduduk hingga boleh disentuh dengan mudah di Flat Perumahan Kos Rendah Putra Permai.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta supaya Jabatan Bangunan menyemak semula permohonan-permohonan tersebut dan memastikan kesesuaian lokasi pemasangan sebelum</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				mengeluarkan kelulusan. Jabatan Bangunan juga diminta untuk mengadakan satu lawatan tapak bagi mengenalpasti pemasangan struktur pemancar di Flat Perumahan Kos Rendah Putra Permai seperti yang dinyatakan oleh Ahli Majlis. Sehubungan dengan itu juga, YBhg. Dato' Yang Dipertua mengesyorkan supaya Ahli Majlis dapat memberi penerangan kepada Jawatankuasa Penduduk mengenai perkara ini dan sekiranya perlu maklumat lebih lanjut, adalah lebih wajar merujuk kepada Agensi Nukler atau pihak SKMM.

### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil.3/2016 bertarikh 12 April 2016

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil.3/2016 bertarikh 13 April 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.2 & M/surat 4	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Peruntukan Inden JKP	<p>Pindaan Minit:</p> <p>Beliau memohon supaya diminitkan mengenai baki Peruntukan Inden JKP bagi tahun 2016, sekiranya terdapat lebihan pada akhir tahun, wang tersebut akan disalurkan semula ke dalam Peruntukan JKP.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua bersetuju dan memohon supaya perkara tersebut diminitkan semula.</p>
2.	Para 7.5 (ii) & M/surat 21	Encik Chang Kim Loong	Pembinaan pagar <i>anti climb</i> di USJ 13, Subang Jaya	<p>Beliau mencadangkan supaya mengadakan satu mesyuarat khas bersama penduduk USJ 6 dan juga USJ 13/1 bagi membincangkan isu-isu pembinaan tembok.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta supaya perkara ini disemak semula supaya dapat diselesaikan segera.

### 5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 3/2016 bertarikh 14 April 2016

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.1 & M/surat 12	Encik Yap Kok Weng	Pengurusan Trafik Di Pusat Perniagaan Jalan Kenari, Bandar Puchong Jaya, Puchong	Beliau memohon pertimbangan mesyuarat sekiranya laluan masuk ke Jalan Kenari 11 dari Lebuhraya Damansara-Puchong ditutup kelak, beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mempertimbangkan laluan alternatif yang baru perlu dibuka bagi memudahkan pengguna.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta supaya Jabatan Kejuruteraan meneruskan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				kajian yang sedang dijalankan dan mengaturkan lawatan tapak bersama pihak LDP, MPSJ dan Ahli Majlis kawasan.

### 5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 3/2016 bertarikh 15 April 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.10 & M/surat 6	Encik Chang Kim Loong	Permohonan Siasatan Dijalankan Terhadap Restoran Carlos USJ 9, Subang Jaya	Beliau memohon supaya pihak Majlis tidak mengambil tindakan tegas memandangkan terdapat 61 NTK yang masih belum dijelaskan.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  Pengarah Pelesenan memaklumkan bahawa tindakan ke atas Restoran Carlos USJ 9 telah pun diambil dan telah diarahkan ditutup serta sitaan kerusi meja juga telah dilaksanakan. YBhg. Dato' Yang Dipertua memohon supaya Jabatan Pelesenan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				menyenaraikan anggaran jumlah nilai NTK yang masih belum berbayar.

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 2/2016 bertarikh 18 April 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima laporan** dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil.3/2016 bertarikh 19 April 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima laporan** dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 10.1 & M/surat 14	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Mengadakan Aktiviti Jualan Makanan Berkonsepkan <i>food truck</i> di Pusat Membeli Belah Subang Parade	Beliau memohon penjelasan mengenai permohonan ini seterusnya mencadangkan supaya pihak Majlis mewujudkan satu polisi khas bagi memudahkan pengurusan <i>food truck</i> di dalam kawasan pentadbiran MPSJ.  <b><u>Maklumbalas</u></b>



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Pengarah Pelesenan memaklumkan bahawa merujuk kepada permohonan di Pusat Membeli Belah Subang Parade adalah permohonan perniagaan <i>food truck</i> yang akan dijalankan di dalam kawasan pusat membeli belah itu sendiri.</p> <p>Sehubungan dengan itu juga, pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan satu Bengkel pada bulan April yang lalu. Susulan daripada bengkel tersebut pihak Kerajaan Negeri akan mengeluarkan satu resolusi dan polisi khusus untuk digunakan diseluruh Negeri Selangor.</p>
2.	Para 10.3 & M/surat 18	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Program Pemutihan Penjaja Pasar Pagi dan Pasar Malam Di Kawasan Pentadbiran MPSJ	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis membantu untuk memberikan lesen yang sah kepada peniaga yang menjalankan perniagaan.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Pengarah Pelesenan memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil.3/2016 telah pun meluluskan supaya</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				lesen diberikan kepada peniaga yang menjalankan perniagaan ditapak manakala pemegang lesen asal akan dibatalkan.

### 5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil.3/2016 bertarikh 21 April 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima laporan** dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.3 & M/surat 9	Encik Yap Kok Weng	Pasar Malan Batu 14, Puchong	Beliau memaklumkan mendapat aduan bahawa terdapat pihak yang menyamar menjadi Timbalan Ahli Majlis.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  YBhg. Dato' Pengerusi meminta Jabatan Pelesenan untuk membuat siasatan lanjut mengenai perkara ini.

## 6.0 PENUTUP

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 tengah hari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Mei 2016** akan diadakan pada **19 Mei 2016 (Khamis)** jam 9.30 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID)**, A.I.S., A.M.S.  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN)**, D.P.M.S., S.M.S  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan<br>Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran     | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Jaber bin Ami   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir                           | - | "                       |
| 5.  | Encik Edwin Lim Hock Lee                                      | - | "                       |
| 6.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                                   | - | "                       |
| 7.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "                       |
| 8.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "                       |
| 9.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 10. | Encik Yap Kok Weng  | - | "                       |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh                            | - | "                       |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan                      | - | "                       |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim  | - | "                       |
| 14. | Encik Wan Hock Leong  | - | "                       |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi                                | - | "                       |

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail             | - | " |
| 17. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy   | - | " |
| 18. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | " |
| 19. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Kavitha a/p Chandragesen           | - | " |
| 21. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu         | - | " |
| 22. | Encik Chang Kim Loong                   | - | " |

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                                 |   |             |
|----|---------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Pooi Weng Keong           | - | Ahli Majlis |
| 2. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | "           |
| 3. | Puan Wong Siew Ki               | - | "           |

#### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

5. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
8. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
10. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
12. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Fadzli bin Zubi  
Pengarah, Jabatan OSC
14. Puan Noraziah binti Ali  
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
16. Puan Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
17. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

18. Puan Satinah binti Safirol  
Pengarah, Jabatan COB
19. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
20. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
21. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
22. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
23. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
24. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
25. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
26. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
27. Puan Nurfazian binti Kasim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
28. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
29. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
30. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

31. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
34. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
35. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
37. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
38. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
39. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
40. Puan Azian binti Ropie  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
41. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
42. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
43. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan



44. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
45. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan  
Pembersihan Awam
46. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan  
Pembersihan Awam
47. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
48. Encik Zamir Umbra bin Shahimi  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
49. Puan Nor Najihah binti Sukor  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
50. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
51. Puan Zaiyanazareth binti Zaini  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
52. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
53. Puan Siti Mahirah binti Sidik  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
54. Puan Nurul Saadah binti A. Wahab  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
55. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti

## **URUS SETIA**

1. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan